



WAKILISAN

KDN 7890



KELUARAN 19, 1995  
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

## KANDUNGAN

Kata-Kata Aluan oleh YAB. Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus	<b>3</b>
Kata-Kata Aluan oleh Tuan Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus	<b>4</b>
Kata-Kata Aluan oleh Tuan Haji Mohamed Hisa Tahat, Ketua Pengarang Jurnal WARISAN	<b>5</b>
Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan.	<b>6</b>
1 Lawatan Penyelidikan Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan ke India Selatan.	<b>7</b>
2 Kewujudan Agama Hindu Dan Sistem Kasta Dalam Masyarakat India, di India.	<b>15</b>
3 Pengislaman Penduduk Negeri Sembilan Kaitannya Dengan India	<b>22</b>
4 Institusi Raja Dan Keluarga Diraja Negeri Sembilan	<b>28</b>
5 Muzik Tradisional India	<b>64</b>
6 Sejarah Gemas	<b>86</b>



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI  
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD**  
SPNS., PSM., DSNS., PMC  
**Menteri Besar Negeri Sembilan**

PEJABAT MENTERI BESAR  
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI  
70502 SEREMBAN



## MENGIMBAS WARISAN SEJARAH KUNO

*W*saha berkesinambungan menerbitkan Jurnal Warisan Kelolaan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dengan menonjolkan pertalian sejarah masyarakat Islam dan wilayah asing pastinya memberikan manfaat kepada pencinta sejarah sekalian.

Wajar sekali imbasan dan kupasan ini dibuat dengan harapan agar kecenderungan untuk menoleh kembali kepentingan sejarah kuno dalam proses kehidupan hari ini mendatangkan kebaikan kepada kita semua.

Perhubungan dengan Wilayah India sebagai contoh bukanlah sekadar di bidang ekonomi, budaya dan pengaliran tenaga buruh sahaja tetapi merangkumi perkongsian di bidang agama khususnya Islam.

Asas-asas keagamaan yang diperkembangkan melalui kaedah mubaligh dan saudagar ternama di era tersebut telah mencetuskan semangat keakraban yang padu di kalangan kepimpinan dan masyarakat tempatan.

Semoga segala pengumpulan bahan dan fakta yang didatangkan dari tanah asing di samping bahan-bahan tempatan yang terkini dan mutakhir akan memperlengkapkan lagi "significant" dan fungsi sejarah dalam episod perjuangan bangsa masakini.

Salam Hormat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Hj. Mohd. Isa" followed by "Dato' Hj. Abdul Samad". The signature is written over a diagonal line.

(Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa b. Dato' Hj. Abdul Samad)



## PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

### KATA-KATA ALUAN

 Yukur Alhamdulillah, seperti yang dijanjikan penerbitan Jurnal Warisan Ke-19 berjaya dihasilkan. Penerbitan kali ini memuatkan empat artikel mengenai India Selatan yang dihubungkaitkan dengan Sejarah Nusantara secara umum dan sejarah Negeri Sembilan secara khusus iaitu hasil daripada Lawatan Penyelidikan Jawatankuasa PSMCNS ke Selatan India pada bulan Ogos 1994.

Adalah diharapkan usaha-usaha untuk menonjolkan pertalian sejarah Masyarakat Islam dan Wilayah Asing serta pengumpulan bahan dan fakta dari Tanah asing akan diteruskan melalui program-program Lawatan Penyelidikan oleh Ahli-ahli PSMCNS di semua peringkat sebagai wadah penulisan penerbitan Jurnal yang akan datang.

Ruangan 'Lorekan Remaja' pada penerbitan kali ini merupakan hasil penulisan tiga orang pelajar Sek. Men. Tuanku Abdul Rahman, Gemas, yang telah memenangi Tempat Pertama dalam Pertandingan Penulisan Kajian Sejarah Tempatan Sekolah Menengah Rendah 1995, anjuran Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Diucapkan syabas dan setinggi tahniah. Adalah diharapkan hasil penulisan kali ini dapat menyumbang ke arah usaha untuk menambah koleksi khazanah sejarah tanah air.

Akhir kata, kepada saudara-saudara penulis dalam 'Warisan' keluaran ini, diucapkan syabas, setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih. Seterusnya 'Warisan' memerlukan sokongan berterusan daripada setiap individu yang cintakan sejarah, bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian.

**Khamis bin Noye**

Merangkap Pengurus Jawatankuasa Kerja PSM  
Cawangan Negeri Sembilan



## PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

DARI MEJA KETUA PENGARAH

*M*hamdulillah sekali lagi "Warisan" dilahirkan untuk keluaran kali ke 19. Sebagaimana yang telah dijanjikan "Warisan" kali ini mempaparkan rencana-rencana utama berkaitan dengan sejarah dan budaya orang-orang India Selatan. Penulisan-penulisan ini ditulis adalah berdasarkan bacaan, pemerhatian dan sedikit sebanyak kajian yang telah dilakukan oleh penulis-penulis hasil daripada lawatan mereka ke India Selatan anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan pada tahun 1994.

Lawatan tersebut dibuat dengan tujuan untuk mengenal lebih dekat lagi asal-usul sejarah dan budaya kaum India yang datang beramai-ramai ke Tanah Melayu pada awal kurun ke 20, berakar umbi dari Selatan India. Penulisan-penulisan ini diarakamkan supaya para pembaca dapat bersama-sama lebih mengenali masyarakat kaum India yang merupakan kaum ketiga ramainya di negara kita ini.

InsyaAllah dalam keluaran yang akan datang 'Warisan' akan memuatkan pula penulisan-penulisan mengenai sejarah, budaya dan perkembangan Islam di Negara China. Apakah keunikan dan rohsia bangsa yang pernah mewarisi salah satu tamadun yang tertua dan unggul di dunia. Sama-sama kita tunggu terbitan 'Warisan' ke 20 nanti.

Dalam segmen 'Lorekan Remaja' kali ini dimuatkan pula dengan penulisan Sejarah Tempatan yang telah memenangi hadiah pertama peringkat Kebangsaan bertajuk 'Sejarah Gemas' oleh kumpulan pelajar-pelajar Tingkatan Dua dari Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman Gemas.

Terima Kasih

**Mohd. Hisy bin Tahat**

Ketua Pengarang Jurnal Warisan PSM Cawangan Negeri Sembilan

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS 1995-1996**

**Yang Di Pertua**

Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad  
SPNS., PSM., DSNS., PMC

*Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus*

**Naib Yang Di Pertua**

Encik Khamis bin Noyo, AMN., PPT., ASDK., ADK  
*Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus*

**Setiausaha Kehormat**

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK

**Penolong Setiausaha Kehormat**

Encik Mahadi bin Abdul Rahman, PJK

**Bendahari**

Encik Tilak Raj Sharma, PJK

**Ketua Pengarang**

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK

**Ahli-Ahli Jawatankuasa**

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar, AMN., PPT., PJK

Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Mohd. Rais, AMN., ANS., PMC., PJK

Tuan Haji Hussin bin Salleh, PMC

Tuan Haji Lajis bin Achil, PMC., BKT

Tuan Haji Sudin bin Kamari, AMN., PMC., PJK

**SIDANG REDAKSI WARISAN KE-19**

**Pengerusi**

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar

**Ketua Pengarang**

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat

**Editor**


Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi

Puan Hajjah Zaini Omar

Tuan Haji Mohd. Misan bin Maslor

**Setiausaha**

Encik Mahadi bin Abdul Rahman



**LAWATAN PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA,  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KE INDIA SELATAN**

**PADA 19 HINGGA 28 OGOS 1994**

*Catalan Perjalanan Oleh:*  
**ROSLI SAININ**

**P**abila nama India Selatan dicadangkan sebagai destinasi lawatan penyelidikan, saya terbayang tentang industri perfileman di sana. Di selatan India bandaraya yang boleh dikaitkan dengan industri perfileman ini ialah Madras. Hakikat ini terbukti apabila pesawat MAS yang membawa rombongan kami mendarat di Madras International Airport.

"Ketua Menteri bagi negeri Tamil Naidu adalah seorang wanita, bekas bintang filem pujaan ramai. Beliau merupakan seorang pemimpin yang berwibawa dan mempunyai jutaan peminal", begitulah antara lain yang dinyatakan oleh En. Garnesh, pemandu pelancong kami semasa dalam perjalanan dari lapangan terbang ke Hotel Abu Palace, tempat kami menginap.

Madras ialah ibu negeri Tamil Naidu yang merupakan pintu masuk ke India Selatan. Tiada bangunan pencakar langit di Madras. Namun begitu Madras merupakan bandaraya keempat terbesar di benua India. Bayangkan betapa luasnya bandaraya ini. Dari segi sejarah Madras tidak asing kepada orang-orang Malaysia. India seperti Malaysia pernah dijajah oleh Inggeris. Syarikat Hindia Timur Inggeris telah membuat petempatan di Madras sejak 1639 M. Bangunan serta artifak peninggalan penjajah British masih tersergam. Antaranya ialah Kubu St. George, St. Marcy's Church, High Court dan Light House. Ramai pelancong dari Eropah berada di bandaraya ini.

Untuk mengingati jasa seorang pemimpin Inggeris di India satu sudut khas dinamakan Clives Corner didirikan bersebelahan dengan bangunan muzium. Nama Robert Clive memang tidak asing bagi pelajar sejarah Malaysia. Bermula sebagai seorang kerani dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris, beliau akhirnya menjadi seorang pembina empayar British. Apa tidaknya, nama jalan, bangunan dan sebagainya masih menggunakan nama Inggeris. Di hadapan Kubu St. George dan muzium ialah 'Marina Beach', pantai pasir kedua terpanjang di dunia, kira-kira tujuh kilometer (kami diberitahu pantai yang terpanjang di dunia ialah Miami Beach di USA) malangnya pantai ini tidak sesuai untuk bermandi-manda. Di sepanjang pantai ini terdapat beberapa buah 'public well' - satu kemudahan bagi warga kota untuk mandi dan mencuci pakaian.

Satu lagi tempat bersejarah yang dilawati ialah Mamalapuram sebuah bandar pelabuhan 60 km ke selatan Madras. Mengikut sejarohnya pada abad ke 7, Mamalapuram merupakan sebuah pelabuhan yang sibuk dan maju di bawah Raja-raja Pallava yang memerintah di antara abad keliga hingga kesembilan.

Beberapa buah kuil Hindu, antaranya Shore Temple, Five Rathas dan Arjunas's Pennance yang dibina daripada batu-batan. Pengukir yang mahir telah memahat batu tersebut menjadi bentuk Pagoda. Kagum juga kami memikirkan tentang ketekunan pengukir-pengukir pada zaman itu.

Namun demikian, kami tidak dapat meneliti peninggalan sejarah Pallava kerana konsentrasi kami sering diganggu oleh para penjual yang berkeliaran di pusat pelancongan itu. Mereka mengekor ke mana sahaja kami pergi seolah memaksa kami membeli barang hiasan yang diperbuat daripada karang laut, rantai, manik tiruan dan sebagainya. Selain itu ramai juga yang menghulurkan tangan meminta sedekah.

Perjalanan ke selatan di teruskan. Rombongan kami singgah di Pondicherry untuk makan tengah hari. Sebuah bandar pelabuhan yang paling bersih dan bangunannya tersusun rapi. Keadaannya berbeza sama sekali dengan bandar-bandar yang telah kami lawati. Mungkin kerana penjajahnya berbeza. Pondicherry adalah bekas koloni Perancis di India. Di sini juga terdapat sebuah kampung kediaman yang dinamakan Kompleks Auroville yang merupakan sebuah petempatan antara bangsa. Kompleks ini diasaskan oleh Ibu Marrie dari Perancis. Terdapat 15 petempatan yang mengandungi lebih 550 penduduk dari seluruh dunia.

Kami berhenti rehat di sebuah masjid di Lebai Road, Chidambaran. Kami sempat bersembahyang Asar secara berjemaah dengan penduduk di bandar tersebut. Beberapa orang yang kami temui tahu berbahasa Melayu. Perbualan menjadi rancak dan mesra, kebanyakannya daripada mereka yang kami temui itu sering ke Malaysia menjalankan perniagaan mereka.

Kami bermalam di hotel Ramyas, Trichy. Sudah jauh juga kami meninggalkan Madras, hampir 320 km. Semasa makan malam di Kumba Konam kami memesan makanan yang agak istimewa - 'Chicken Briani - Indian style'. Nasi yang putih kemerahan merahan jauh berbeza dengan nasi briani yang terdapat di Restoran Bilal di Malaysia.


Pada keesokan harinya kami melawat sebuah masjid lama iaitu Masjid Jamek Nataska. Di sebelah kanan masjid ini terdapat makam Sultan Turkey yang mengasaskan masjid ini. Di sekitar masjid ini ialah perkampungan orang-orang India muslim. Rumah dan kedai-kedai di sekitar masjid ini kecil-kecil belaka. Mereka menjenguk melalui tingkap, mungkin tertanya-tanya tentang kehadiran kami di situ.

Kebetulnya ketika kami berada di dalam masjid itu suatu rombongan menuju masuk ke masjid itu. Mereka mengiringi seorang pengantin lelaki yang lengkap dengan pakalan tradisionalnya. Kami diberitahu bahawa pengantin ini mengunjungi

masjid tertua ini untuk mendapat restu daripda imam atau makam yang dianggap keramat itu, sebelum upacara perkahwinan dijalankan.

Dari Trichy kami menuju ke Madurai, bandar kedua terbesar di negeri Tamil Naidu. Madurai adalah sebuah bandar bersejarah bermula pada abad ke-6 sm. Pada masa itu Madurai merupakan ibu negara bagi Empayar Pandyan. Hingga ke hari ini Madurai masih merupakan pusat pengajian Tamil. Universiti Kamaraj terletak di bandar ini. Kini Madurai merupakan pusat komersil yang terkenal dengan industri tenunan dan tekstil. Kami sempat mengunjungi bazar yang serba lengkap. Suatu lorong dipenuhi dengan barang yang diperbuat dari apda tembaga dan perak.


Bandar ini padat dengan penduduk. Manusia berada di mana-mana sahaja. Mereka bergerak tanpa henti-henti dan melakukan tugas masing-masing. Bunyi hon kenderaan juga tidak putus-putus. Basikal, beca roda tiga dan kereta lembu masih membanjiri bandaraya ini.



Jeti nelayan di Kanyakumari

Perjalanan kami terus menuju ke Kanyakumari yang terletak di Tanjung Kamorin. Di sinilah pertemuan tiga lautan iaitu Indian Ocean, Arabian Sea dan Bay of Bengal. Suatu pengalaman yang tidak dapat dilupakan semasa berada di bandar Kanyakumari ialah memerhatikan saat-saat matahari terbit dan matahari terbenam dari tempat yang sama. Oleh sebab itulah terdapat para pelancong dari utara India dan juga dari negara lain berhimpun di situ. Sebuah pulau batu yang terletak kira-kira 200 meter dari pantai. Disitu terdapat 'Vivekananda Rock Memorial'. Perkhidmatan feri disediakan daripada 6.00 pagi hingga 5.00 petang.

Pagi-pagi lagi setelah menyaksikan panorama matahari terbit, kami menuju ke utara melalui pantai barat India. Dalam masa satu jam sahaja kami sampai ke negeri Kerala. Suasana di negeri ini jauh berbeza dari negeri Tamil Naidu. Negeri ini dipenuhi dengan pokok-pokok kelapa, talai air, sawah padi dan pantai yang bersih dan indah. Kerala adalah sebuah negeri di benua India yang paling padat penduduknya. Ketiga-tiga penganut Agama Hindu, Kristian dan Islam terdapat di sini. Kami sempat singgah untuk menunaikan solat fardu di salah sebuah masjid di Kerala. Penganut Islam di sini mengamalkan mazhab Shafie.



'Chinese Fishing Net' berhampiran pelabuhan Cochin

Kami tiba di sebuah bandar pelabuhan Cochin pada sebelah petang. Keesokannya barulah rombongan kami bersiar-siar di bandar dan menaiki bot mengelilingi pelabuhan Cochin. Cochin ialah sebuah bandar pelabuhan di Pantai Malabar. Selepas tamatnya Perang Salib pada abad ke 15, Portugal cuba mencari jalan laut ke timur untuk menyekat pedagang-pedagang Arab di Teluk Parsi. Vasco Da Gama adalah ahli pelayar Eropah yang pertama menjajak kakinya di timur pada tahun 1498, di Kalkitat India. Kemudian Portugis menguasai Cochin pada tahun 1503 dan Goa pada tahun 1510. Dari Goa Al-Fonso Dialburqurque menyerang dan menakluki Melaka pada tahun 1511. Cochin merupakan tempat tumpuan para pedagang dari merata dunia pada masa dahulu. Kesan peninggalan sejarah dari pedagang Portugal, Belanda, Arab dan China masih terdapat di sini. Tidak hairanlah kalau bandar ini dinamakan 'Queen of the Arabian Sea" dan pelabuhannya dikenali sebagai 'Venice of the Orient'.

Destinasi kami seterusnya ialah Ooty, sebuah bandar di pergunungan Blue Mountain. Ooty boleh disamakan dengan Cameron Highlands tetapi Ooty jauh lebih tinggi iaitu kira-kira 7500 kaki dari paras laut. Perjalanan ke Ooty merupakan satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Jalan yang berliku-liku dan sempit serta curam amat menyeramkan. Pemandu bas kami perlu berehat dan tildur beberapa jam di Coimbatore sebelum meneruskan perjalanan ke Ooty. Coimbatore terletak di kaki pergunungan Nilgiri. Kami bermalam di Ooty. Kami tidak sanggup membuka jendela untuk menjenguk keluar kerana udaranya terlalu dingin. Di Ooty terdapat sebuah Taman Botanical Garden seluas 50 ekar. Hujan renyai-renyai menyebabkan cuaca bertambah dingin.

Taman ini dipenuhi dengan pelbagai bunga, orkid herba untuk ubatian, paku pakis, pokok koniferus dan lain-lain lagi.

Terdapat beberapa buah kedai farmasi di Ooty. Ubat yang dijual adalah daripada rumusan herba yang disediakan secara tradisional. Pelbagai minyak urut terdapat di sini seperti minyak kayu putih, minyak badam, minyak winter green dan minyak lemon grass. Anda mungkin dibawa ke sudut kaunter yang menjual ubat khas untuk orang lelaki sahaja.

Di Ooty juga terdapat deretan gerai yang menjual pakaian musim sejuk dan barang kulit. Peniaga-peniaga digerai ini terdiri daripada orang-orang India Utara dan Tibet.

Dari Ooty kami menuruni banjaran gunung hingga ke sebuah lagi negeri di



Peserta rombongan di Taman Brindavan

benua India iaitu Negeri Karanataka. Ibu negeri Karanataka ialah Bangalore dan Mysore merupakan bandar dirajanya. Di sepanjang perjalanan ke Mysore, kami tertarik dengan pemandangan sungguh menawan seperti sungai yang jernih dataran yang beralun, sawah padi yang meluas dan lembah dengan tumbuhan.

Istana maharaja Mysore yang dibina pada tahun 1911-1912 terdapat di Mysore. Bangunan yang berbentuk Indo-Saracenic telah menelan belanja sebanyak 42 juta rupees. Di Dewan Durbar terdapat sebuah kerusi diraja yang diperbuat daripada 200 kilogram emas tulin. Ukiran pada setiap pintu di dalam istana ini berbeza antara satu sama lain. Segala bahan dan perabot diimport dari negara-negara di Eropah.

Taman Brindavant terletak lebih kurang 19km dari bandaraya Mysore. Taman ini berhampiran dengan Empangan Krishnaraja Sagara. Empangan ini dibina merentasi sungai Cauvery dan panjangnya ialah 2.4 km. Empangan ini telah membentuk sebuah danau seluas 130 km persegi.

Peristiwa makan tengahari di Mysore sukar dilupakan. Pemandu pelancong mengarahkan kami memasuki sebuah restoran berhawa dingin. Suasana di dalamnya agak kelam. Harga makanan jauh lebih murah kalau dibandingkan dengan makanan di negara kita. Masing-masing membuat tempahan yang enak-enak. Mereka yang dahulu membuat tempahan telah pun menikmati hidangan sementara yang lain menunggu giliran masing-masing. Tiba-tiba pemandu pelancong kami yang baru sahaja mendapat kepastian, menasihatkan kami agar membatalkan tempahan kerana makanan itu tidak sesuai dengan orang Islam. Kami diarah berpindah ke bilik khas di dalam restoran yang sama yang menyediakan makanan untuk 'vegetarian'. Bagi mereka yang sedang menikmati hidangan terpaksa salah mengenepikan makanan itu.

Dari Mysore kami menuju ke Bangalore ibu negeri Karnataka. Di sepanjang jalan kami sentiasa memerhatikan bangunan masjid terutamanya apabila sampai waktu solat fardhu. Dengan cara ini kami dapat membuat perbandingan antara masyarakat Islam di India dengan masyarakat Islam di Malaysia.

Bangalore adalah sebuah bandaraya yang pesat membangun dan penduduknya melebihi 1 juta orang. Iklim yang dingin, persekitaran dan tamannya yang bersih menarik lebih ramai penduduk dari seluruh India untuk menetap di Bangalore.

Kami sempat menjamu mata dan membeli belah di Bangalore. Kain sari dari apda pelbagai jenis dan kualiti terdapat di sini. Kami ditemani oleh beberapa orang pelajar Malaysia yang sedang menuntut di Universiti Bangalore.

Di pinggir bandar Bangalore terdapat sebuah istana lama dan kubu yang dibina oleh Hyder Ali dan puteranya Tippu Sultan pada 1791. Mereka adalah merupakan pemimpin Islam yang terakhir menyerah kalah kepada penjajah British.


Semasa bersiar-siar mengelilingi bandar Bangalore pandangan kami tidak terlepas dari papan tanda yang besar, yang dipenuhi dengan iklan gambar pelakon Hindi. Maklumat bagi pertunjukan disetiap pawagam terdapat dimana-mana. Setiap pawagam mengadakan 4 pertunjukan pada setiap hari.

Bangalore merupakan destinasi terakhir dalam rangka lawatan kami ke India Selatan. Kami menaiki pesawat Indian Airline dari Bangalore menuju semula ke Madras. Penerbangan ini mengambil masa 1 jam (7 jam kalau dengan jalan raya). Kami tiba di Madras pada pukul 10.00 pagi. Pada keesokan harinya kami sebelum meninggalkan Benua India, kami sempat lagi membeli belah di Madras.

Pada sebelah petangnya rombongan kami telah diundang ke Majlis High Tea di Hotel Taj oleh Penolong Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Madras serta para pegawai dan isteri mereka.

Dalam ucapan balasnya ketua rombongan kami sempat menyorot kembali pengalaman semasa berada di India Selatan. Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penolong Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Madras kerana segala urusan kami telah dapat di permudahkan dengan kerjasama dan bantuan daripada para pegawai beliau.

Berakhirlah lawatan penyelidikan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan Darul Khusus ke India Selatan yang bermula pada 19 hingga 28 Ogos 1994.



Penolong Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di madras meraikan peserta rombongan dalam Majlis 'High Tea' di Hotel Taj.